

ASPEK-ASPEK PENDIDIKAN SEKS DI DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN

Alijah Ujang
Fakulti Pendidikan .Universiti Malaya
alijah@ipik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menganalisa sejauhmana aspek-aspek pendidikan seks terkandung di dalam Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) Kementerian Pelajaran Malaysia, serta penekanan aspek-aspek tersebut di dalam kurikulum. Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran PKBP Rendah dan Menengah dengan keempat-empat bidang kurikulum ini telah dianalisa dengan menggunakan Modul Bulatan Seksualiti Manusia yang dipetik dari Life Planning Education, Advocates for Youth (1995), sebagai garis panduan dalam mengenal pasti aspek-aspek pendidikan seks tersebut. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat aspek-aspek pendidikan seks merentasi Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Walau pun kesemua bidang di dalam kurikulum ini menampilkan aspek-aspek pendidikan seks tersebut namun Bidang Pengurusan Kehidupan mengandungi aspek-aspek pendidikan seks yang paling banyak berbanding bidang yang lain. Kurikulum ini juga didapati memberi kurang penekanan terhadap aspek-aspek yang membincangkan tentang kesihatan seksual dan reproduktif dan perkara yang berkaitan dengan seksualisasi seperti penganiayaan seksual, sunbng mahram dan sebagainya.